

LATIHAN PENDIDIKAN JASMANI DAN KESIHATAN

TARIKH : 4/8/2021

KELAS : HIBISCUS

GURU : PUAN NORAZA HASHIM

TAJUK : UNIT 2 – PERGERAKAN BERIRAMA (JOGET)

A) ISIKAN TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN YANG BETUL.

Berbaju melayu	Cucuk sanggul	Bersamping songket
Berbaju kebaya	Bersongkok	Berkain songket



Tarian Joget

Pakaian lelaki

Pakaian perempuan

B) BACA PETIKAN DIBAWAH DAN ISIKAN TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN YANG BETUL.

Tarian Joget merupakan sejenis tarian Melayu tradisional yang lazim di Malaysia, terutamanya di negeri Melaka. Tarian ini biasa dipersembahkan ketika upacara Mandi Safar.

Tarian ini dipercayai berasal daripada tarian orang Kristang (orang Serani) iaitu Branyo yang sendirinya daripada suatu tarian tradisi masyarakat Algarve di Portugal iaitu corridinho. Ketika itu Joget diiringi lagu-lagu khusus seperti "Jingling Nona" tetapi sekarang banyak lagu-lagu dihasilkan seperti Joget Serampang Laut, Joget Rentak 106, Joget Johore Sport Club, Joget Pucuk Pisang dan lain-lain lagi. Tarian ini begitu terkenal sebagai acara bagi memeriahkan majlis-majlis perkahwinan dan keramaian.

Joget juga dikenali sebagai ronggeng yang mengambil nama daripada perkataan "*wrong gang*" kerana ditarikan secara berpasangan lelaki dan wanita.

- i) Tarian joget merupakan sejenis tradisional yang lazim di Malaysia terutamanya di negeri .
- ii) Tarian ini biasa dipersembahkan ketika upacara .
- iii) Tarian ini dipercayai berasal daripada tarian orang iaitu .
- iv) Tarian joget adalah daripada suatu tarian tradisi masyarakat Algarve di Portugal iaitu .
- v) Tarian ini terkenal sebagai acara bagi memeriahkan dan .
- vi) Joget juga dikenali sebagai ronggeng yang mengambil nama daripada perkataan kerana ditarikan secara berpasangan lelaki dan wanita.

C) TULISKAN 'BETUL' ATAU 'SALAH' UNTUK AYAT DI BAWAH.

1.	Lokomotor ialah pergerakan yang menyebabkan perubahan kedudukan.	
2.	Tarian joget lebih mengutamakan pergerakan tangan berbanding pergerakan kaki.	
3.	Bukan lokomotor ialah pergerakan yang tidak menyebabkan perubahan kedudukan.	

D) PADANKAN GAMBAR DENGAN AYAT YANG BETUL.

		Undur ke belakang dengan langkah kecil.
		Langkah maju ke depan dengan langkah kecil
		Kaki kanan menyentuh lantai dan diangkat ke atas di tempat yang sama.